

# Sampah dari darat cemarkan sungai, pantai Miri

Pelbagai program terus dianjurkan agar masyarakat prihatin tentang kepentingan kebersihan sungai: Lee

Oleh Steve Annuar

**MIRI:** Puncu utama pencemaran sungai-sungai di Miri adalah dari darat iaitu dari kediaman dan industri, kata Menteri Pengangkutan Datuk Lee Kim Shin.

Beliau yang juga ADUN Senadin berkata, sampah sarap yang dibuang ke dalam parit kemudian hanyut ke sungai, sekali gus menjadi punca pencemaran pantai.

Lee memberitahu, antara pantai yang terjejas akibat sikap tidak bertanggungjawab itu adalah pantai Marina.

Banyak aktiviti gotong-royong dikendalikan di pantai itu tetapi masih belum dapat menyelesaikan masalah tersebut, katanya.

"Bagaimana sah-pah-sarap ini sampai ke pantai? Adakah orang membuang di pantai? Tidak. Ia datang dari kawasan kediaman kita, industri-industri kita.

"Kita kalau kita buang sampah dalam parit, apabila hujan, air parit akan bawa sampah ke sungai, akhirnya pergi ke pantai. Inilah puncu," jelasnya.

Lee berkata, punca dari sungai yang dikenali pasti adalah pembuangan sampah dan minyak dari kapal dan bot.



**SIMBOLIK PERASMIAN:** Lee menyampaikan tong sampah kepada Usman mewakili JKKK Kampung Pujut Tanjung Batu pada majlis di dewan kampung tersebut, semalam.

Lee menjelaskan perkara itu ketika berucap merasmikan kempen kesedaran awam kebersihan dan keselamatan di Kampung Pujut Tanjung Batu semalam.

Sehubungan itu katanya, kerjasama semua pihak diperlukan untuk menjaga kebersihan sungai dan tidak menjadikannya sebagai tong

sampah. Antara kepentingan sungai ialah sumber bekalan air untuk keperluan harian seperti dari Sungai Liku dan dari sungai Ulu Baram serta sebagai sumber rezeeki, makanan dan dijadikan sumber pengangkutan, jelasnya.

"Oleh itu kita mengan-

jurkan pelbagai program untuk memberi pendedahan, pendidikan kepada penduduk, kepada kanak-kanak menerusi pertandingan warna supaya mereka faham penjagaan kebersihan sungai, dan mahu menjadikan sungai selamat," katanya.

Menurutnya lagi, usaha membersihkan Sungai Miri

“Bagaimana sampah-sarap ini sampai ke pantai? Adakah orang membuang di pantai? Tidak. Ia datang dari kawasan kediaman kita, industri-industri kita.”

Datuk Lee Kim Shin  
Menteri Pengangkutan

tetap diteruskan walaupun tidak lagi tersenarai dalam sepuluh sungai paling tercemar di negara ini.

Beliau mahu penduduk Miri berais bersama dengan kebersihan Sungai Miri yang penting untuk imej Miri sebagai bandar raya perangan dan pelancongan utama di utara Sarawak.

Kerjasama Majlis Bandaraya Miri (MBM) memastikan peniaga dan penduduk menguruskan sampah-sarap dengan baik juga diperlukan, tambahnya.

"Berilah tong sampah yang mencukupi di kampung termasuk tong sampah besar untuk membolehkan penduduk menguruskan sampah dengan baik. Inilah satu tindakan yang perlu diambil," katanya.

Dari aspek penguatkuasaan dan undang-undangkannya, tindakan lebih tegas harus dikenakan ke atas pesalah

yang membuang sampah ke dalam sungai.

Majlis turut menyaksikan penyerahan tong sampah kepada masjid dan dewan kampung.

Sebanyak 734.5kg sampah berjaya dikutip oleh penduduk dalam pertandingan mengutip sampah semasa aktiviti gotong-royong pada sebelah pagi.

Program dimulakan dengan senamrobik pada jam 7 pagi. Turut diadakan ceramah oleh pihak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSSS), Pejabat Kesihatan Bahagian Miri dan MBM serta pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Program sama diadakan di Batu Satu Kuala Baram dan diteruskan di kampung-kampung yang berdekatan dengan sungai.

Hadir sama Pengerusi LSSS Dr Murni Suhaili dan Ketua Kampung Usman Suleiman.